

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 APRIL 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penubuhan MBOT memudahkan laluan kerjaya pelajar jurusan teknikal	BERNAMA
2.	TNB Janamanjung terima pensijilan BCM	Utusan Malaysia
3.	TNB Janamanjung terima pensijilan BCM ISO 22301:2012	Kosmo
4.	Better mobile signal improves connectivity	The Malay Mail
5.	Gempa bumi sederhana melanda Sumatera Selatan	BERNAMA
6.	Jawatankuasa khas pantau IS menyeluruh perlu ditubuh	Utusan Malaysia
7.	Pupuk minat generasi muda terhadap sains, inovasi	Harian Metro



Penubuhan MBOT Mudahkan Laluan Kerjaya Pelajar Jurusan Teknikal

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Rang Undang-undang Teknologis dan Juruteknik 2014 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini antara lain bertujuan menubuhkan Majlis Teknologis Malaysia (MBOT).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mat Diah yang membentangkan rang undang-undang itu untuk bacaan kali kedua berkata tujuan penubuhan majlis berkenaan bagi memudahkan laluan kerjaya profesional kepada 30,000 lulusan politeknik di seluruh negara.

Katanya, MBOT yang bakal ditubuhkan itu merupakan badan berkanun yang bertanggungjawab mengiktiraf juruteknologi dan juruteknik sebagai profesional.

Beliau berkata penubuhan MBOT juga bertujuan memperkasakan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) sebagai satu profesion ikhtisas di negara ini.

"Selaras dengan penubuhan MBOT ini, kita sasarkan 384,300 graduan teknologis dan juruteknik dihasilkan menjelang 2020," katanya di sini.

Abu Bakar berkata MBOT juga berperanan meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi melalui perkhidmatan teknologis dan juruteknik memandangkan peratusan profesion itu masih rendah iaitu hanya 28 peratus daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja negara.

Katanya, penubuhan majlis itu juga bertujuan mengiktiraf pelajar lulusan universiti teknikal kerana selama ini mereka tidak mempunyai laluan kerjaya yang begitu tepat.

Tambahnya, MBOT mempunyai lima fungsi terhadap teknologis dan juruteknik iaitu mendaftar serta mengiktiraf profesion itu, mengawal selia etika dan mempromosi pendidikan serta menyediakan latihan vokasional dalam bidang berkaitan.

Selain itu, MBOT juga berfungsi menilai program teknologi teknikal dan kemahiran serta memantau piawaian program teknologi di setiap institusi kemahiran.

"MBOT akan diketuai seorang Presiden. Kuasa melantik Ahli Lembaga Pengarah adalah terletak kepada menteri bertanggungjawab," katanya.

Rang undang-undang itu kemudian dibahas dan diluluskan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 21
TARIKH: 03 APRIL 2015 (JUMAAT)

TNB Janamanjung terima pensijilan BCM

KUALA LUMPUR 2 April -TNB Janamanjung Sdn. Bhd. (TNB Janamanjung), anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah dianugerahkan pensijilan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) ISO 22301:2012 sekali gus menjadikannya stesen janakuasa Malaysia yang pertama memperoleh pengiktirafan tersebut.

Pengarah Urusan TNB Janamanjung, Shamsul Ahmad berkata, pensijilan tersebut secara tidak langsung dapat membantu TNB Janamanjung menyalurkan perkhidmatan terbaik sekiranya berlaku gangguan operasi.

Katanya, pengiktirafan itu juga adalah hasil daripada amalan kerja yang lebih teratur, efektif dan sistematik dari segi pengurusan risiko, analisis impak perniagaan, kecekapan persediaan dalam pemulihan semula operasi dan pengurangan impak gangguan kepada operasi.

"Latihan dan pelaksanaan amalan-amalan ini yang bermula sejak April 2014 membolehkan TNB Janamanjung mempamerkan pengurusan risiko, pengurusan krisis dan perancangan pemulihan yang



SHAMSUL Ahmad (kiri) menerima sijil BCM ISO 22301:2012 daripada Khalidah Mustafa sambil disaksikan oleh Leo Moggie (tengah) dan Azman Mohd. (dua, kiri) di Perak, baru-baru ini.

lebih efektif dan komprehensif," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Satu majlis penyerahan sijil oleh **SIRIM QAS International** dan **Malaysia Book of Records** telah diadakan di Manjung, Perak, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie; Presiden dan

Ketua Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd.; Naib Presiden (Penjanaan), Zainudin Ibrahim; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pasir Panjang, Datuk Rashidi Ibrahim; Pengarah Urusan **SIRIM QAS International**, Khalidah Mustafa dan Ketua Penyelidikan **Malaysia Book of Records**, Leona Paul.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 51
TARIKH : 3 APRIL 2015 (JUMAAT)

TNB Janamanjung terima pensijilan BCM ISO 22301:2012



SHAMSUL (tiga dari kiri) bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd. (kiri) serta Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie (dua dari kiri) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

KUALA LUMPUR - TNB Janamanjung Sdn. Bhd. (TNB Janamanjung), anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd. (TNB) telah menerima Pengurusan Kesinambungan Bisnes (BCM) ISO 22301:2012, menjadikannya stesen janakuasa Malaysia pertama mendapat pensijilan tersebut.

Pensijilan yang turut diiktiraf *Malaysia Book of Records* itu juga merupakan fasa lanjutan selepas Pensijilan Publicly Available Specification for Asset Management (PAS 55-1: 2008) yang telah diterima pada tahun 2013.

Pengarah Urusan TNB Janamanjung, Shamsul Ah-

mad berkata, pengiktirafan tersebut merupakan hasil daripada amalan yang lebih teratur, efektif dan sistematik dari segi pengurusan risiko, analisis impak perniagaan, kecekapan persediaan dalam pemulihan semula operasi dan pengurangan impak gangguan kepada operasi.

"Latihan dan pelaksanaan amalan-amalan ini yang bermula sejak April 2014 telah membolehkan TNB Janamanjung mempamerkan pengurusan risiko, pengurusan krisis dan perancangan pemulihan yang lebih efektif serta komprehensif.

"Ini sekali gus membantu TNB Janamanjung mena-

warkan perkhidmatan yang terbaik sekiranya berlakunya gangguan operasi," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Sijil BCM ISO 22301:2012 dan *Malaysia Book of Records* telah diserahkan masing-masing oleh Pengarah Urusan, SIRIM QAS International, Khalidah Mustafa dan Ketua Penyelidikan *Malaysia Book of Records*, Leona Paul kepada Shamsul.

TNB Janamanjung merupakan stesen janakuasa terbesar di Malaysia dengan keluasan 325 hektar.

Ketika ini, ia mempunyai kapasiti sebanyak 2,100 megawatt.

Better mobile signal improves connectivity

KUALA LUMPUR — Following the launch of its new line of consumer products in Malaysia last year, weBoost, the global leader in cellular signal boosters, announced the immediate availability of its first two products in stores across Peninsular Malaysia, as well as via leading e-commerce sites in the country.

Buoyed by positive consumer sentiment, weBoost has steadily increased its presence in Malaysia by partnering with Digital Paper, one of the top IT

product distributors in Malaysia, in the areas of marketing, support and distribution of their products nationwide.

The weBoost Connect 3G and Drive 3G-S are certified by SIRIM and are available in outlets such as All IT Hypermarket and A-Sashi Technology within the Klang Valley. Beyond that, weBoost products can be found in outlets such as Kao Yek Wholesale Marketing and SwissPac in Penang, Office Supplies Depot in Ipoh, and Apex Computer Store in Johor.



Gempa Bumi Sederhana Melanda Sumatera Selatan

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.0 pada skala Richter melanda Sumatera Selatan, Indonesia pada 10.55 hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan memaklumkan pusat gempa ialah 127 kilometer tenggara Bengkulu, Indonesia dan 719 kilometer barat daya Pontian, Johor.

Gempa bumi itu tidak membawa ancaman tsunami, katanya.

-- BERNAMA

Jawatankuasa khas pantau IS menyeluruh perlu ditubuh

KUALA LUMPUR 2 April - Sebuah jawatankuasa khas melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan pihak berkuasa agama Islam perlu ditubuhkan bagi menangani propaganda dan ideologi pengganas Islamic State (IS) secara bersepadu dan menyeluruh.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay berkata, jawatankuasa khas itu juga perlu melibatkan institusi-institusi pengajian tinggi (IPT).

Katanya, penubuhan jawatankuasa khas itu perlu dilakukan segera memandangkan tiada tanda-tanda propaganda dan ideologi IS dalam media sosial semakin luntur sebaliknya perkara tersebut semakin membimbangkan.

"Saya cadangkan kalau ada satu pihak yang ambil inisiatif menggabungkan semua pihak untuk menangani propaganda IS yang disiarkan menerusi media sosial, sebab kita sekarang ini sedang berlawan dengan ideologi yang kita perlu duduk dan kaji.

"Kalau kita ada satu badan yang menyelaras tindakan, kita dapat menangani propaganda IS secara bersepadu tetapi kita setakat ini banyak bergerak sendiri," katanya dalam sidang akhbar selepas menyampaikan taklimat eksekutif ancaman keselamatan negara di Akademi Kenegaraan Biro Tatanegara di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Penger-

ah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi, Setiausaha Keselamatan Negeri, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Wilayah Persekutuan, Anuar Ismail dan Pegawai Penganalisa Sistem CyberSecurity Malaysia, Faiszatulnasro Mohd. Maksom.



**AYUB KHAN MYDIN
PITCHAY**

Menurut Ayub Khan, peranan yang perlu diambil agensi kerajaan khususnya pihak berkuasa agama Islam adalah melawan balik hujah songsang IS yang banyak menyalah tafsir al-Quran dan hadis nabi.

"Ramai umat Islam mudah terpengaruh dengan penyelewengan hadis nabi dan ayat al-Quran yang digunakan IS, jadi, kita perlu counter (lawan) balik serangan ideologi mereka dengan memberi penerangan dan tafsiran yang betul kepada masyarakat," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai pembentangan Rang Undang-Undang Pencegahan Keganasan (POTA) 2015 dan Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 di Dewan Rakyat, Ayub Khan berkata, pihaknya berharap rang undang-undang itu dapat diluluskan bagi membolehkan usaha menangani IS dapat dilakukan secara menyeluruh melibatkan aspek pencegahan dan pemulihan.

Tegasnya, pihak berkuasa tidak bertolak ansur terhadap mana-mana individu yang berniat untuk pergi menyertai IS ataupun mereka yang pulang ke negara selepas menyertai IS.

Pupuk minat generasi muda terhadap sains, inovasi

Langkawi: Lebih 1,500 pelajar teruja apabila berpeluang menyertai Program Kembara Sains yang dianggap mampu menjadi landasan terbaik, sekali gus berjaya memupuk minat generasi muda terhadap sains dan inovasi.

Peserta, Mohamad Najmudin Razali, 16, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Putra, di sini, berkata menerusi program anjuran Pusat Sains Negara (PSN) itu, pelajar disajikan dengan pendedahan awal mengenai inovasi sains menerusi pelbagai permainan yang menyeronokkan.

"Saya gembira kerana dapat menyertai program ini yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti menarik berdasarkan ilmu sains dan teknologi. Jika diberikan peluang, saya ingin menyertai lagi program seperti ini pada masa depan," katanya yang

bercita-cita menjadi penasihat dalam bidang sains.

Najmudin berkata demikian ketika ditemui pada program dua hari di Dewan SMK Kedawang, di sini, semalam.

Mashitah Mohd Fahmi, 16, dari SMK Kedawang, mengakui teruja dengan pertunjukan alat robotik yang dihasilkan secara inovasi oleh rakan-rakan dan petugas PSN sepanjang program itu.

"Saya percaya melalui program seperti ini pelajar akan menjadi lebih kreatif dan inovatif serta mampu mendidik diri untuk menyelesaikan sesuatu masalah," katanya.

Sementara itu, Ketua program PSN Mohd Firdaus Nawawi berkata, pihaknya sengaja memilih idea mudah untuk diketengahkan kepada peserta supaya mereka berminat menghasilkan ciptaan sendiri.

"Kita buat program mudah kerana aktiviti seperti inovasi robot dan permainan buih lebih dekat dengan pelajar, sekali gus menggalakkan mereka mencipta inovasi lain menggunakan ilmu sains.

"Sasaran kita untuk menyemai minat terhadap sains dan teknologi pada usia seawal mungkin," katanya.



PETUGAS PSN memberi penerangan mengenai roket air kepada pelajar.

FOTO: HAMZAH USMAI